



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGETAHUAN PEDAGOGIKAL ISI KANDUNGAN GURU BAHASA ARAB DALAM PENGAJARAN KONSONAN ARAB

ZARIMA MOHD ZAKARIA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

**IKAN
N MALAYSIA**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**ABSTRAK**

Tujuan kajian ini adalah untuk; meneroka PPIK guru terhadap konsep makhraj dan sifat bunyi konsonan dalam pengajaran sebutan konsonan Arab. Kajian ini juga meninjau pengajaran guru dalam menyampaikan aspek makhraj dan sifat bunyi konsonan di peringkat pendidikan awal. Kajian memberi fokus terhadap kesukaran yang dihadapi pelajar dalam menyebut konsonan Arab, seterusnya mengenal pasti tahap kefasihan pelajar dalam menyebut, dan menyusun konsonan Arab berdasarkan sebutan aras mudah ke sukar. Pelaksanaan kajian ini dilihat menerusi konsep pengetahuan pedagogikal isi kandungan (PPIK) yang diaplikasikan dalam pengajaran sebutan konsonan Arab. Kajian ini melibatkan subjek kajian yang terdiri daripada lima orang guru bahasa Arab dan responden kajian 400 orang murid tahun satu di Sekolah Kebangsaan daerah Klang, Selangor Darul Ehsan. Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes satu kes pelbagai tempat. Data kajian pula dikumpul secara pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Data kualitatif diperoleh dari temubual mendalam, pemerhatian tidak turut serta dan analisis dokumen. Kesahan data dilakukan secara triangulasi pelbagai sumber data dan semakan rakan. Kebolehppercayaan data pula diperoleh dengan mendapatkan perakuan pakar berasaskan nilai persetujuan pekali Cohen Kappa. Manakala data secara kuantitatif diperoleh dari ujian lisan sebutan pelajar bagi mendapatkan tahap kefasihan sebutan konsonan Arab dan dinilai oleh pakar penilai. Kesimpulannya, hasil analisis mendapati bahawa guru bahasa Arab memiliki pengetahuan yang kurang jelas tentang konsep makhraj dan sifat bunyi konsonan tetapi amat menyedari tentang kepentingannya dalam pengajaran sebutan konsonan Arab. Aspek makhraj diterapkan dalam aktiviti sebutan konsonan Arab pada setiap kali permulaan pengajaran. Dapatan juga menunjukkan bahawa sebanyak 13 konsonan berada di tahap fasih dan 15 konsonan berada di tahap sederhana fasih.





PEDAGOGICAL CONTENT KNOWLEDGE OF THE ARABIC TEACHERS IN TEACHING ARABIC CONSONANTS

ABSTRACT

The purpose of this study is to: exploring the teachers' PPIK on the concept of makhraj and the consonant nature of teaching the Arabic consonant. This study also examines teacher's teaching in conveying the aspects of philosophy and consonant nature at the early stage of education. The study focuses on the difficulties faced by students in pronounce Arab consonants, thus identifying the level of fluency of students in mentioning, and arranging Arab consonants based on easy-to-hard quotes. Implementation of this study is seen through the concept of pedagogical content knowledge (PPIK) applied in the teaching of Arabic consonant terms. This study involved subjects of five Arabic teachers and 400 respondents of first year students in Klang, Selangor Darul Ehsan. This qualitative study uses a case study design of one case case. The data were collected in a qualitative and quantitative approach. Qualitative data is obtained from in-depth interviews, non-participating observations and document analysis. Data validity is done by triangulation of various data sources and peer reviews. Data reliability is obtained by obtaining expert certificates based on the consent value of Cohen Kappa coefficients. While the quantitative data is obtained from verbal exams of student terms to gain the fluency of Arabic consonant pronunciation and is assessed by appraisers. In conclusion, the results of the analysis found that Arabic teachers had less clear knowledge of the concept of makhraj and character but were very aware of their importance in the teaching of Arabic consonants. Makhraj aspect is applied in Arabic consonant activity at every beginning of teaching. Findings also show that as many as 13 consonants are fluent and 15 consonants are in moderate level.



**KANDUNGAN****Halaman**


PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI ILUSTRASI	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv

BAB I PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang kajian	2
1.2.1	Masalah sebutan dalam pemerolehan bahasa Arab	2
1.2.2	Senario pengajaran sebutan Konsonan Arab	4
1.3	Pernyataan Masalah	7
1.3.1	Kompetensi profesionalisme guru bahasa Arab	9
1.3.2	Pengetahuan Pedagogi	12
1.3.3	Pengetahuan isi kandungan sebutan bunyi konsonan arab	14
1.3.4	Pengetahuan tentang masalah pelajar dalam sebutan arab	17
1.4	Tujuan dan Objektif Kajian	21
1.5	Persoalan Kajian	21
1.6	Kerangka Konseptual Kajian	22
1.7	Kepentingan Kajian	30
1.8	Batasan Kajian	34
1.9	Definisi Istilah	37
1.9.1	Pengetahuan pedagogi isi kandungan (PPIK)	38
1.9.2	Sebutan	39
1.9.3	Konsonan Arab	40
1.9.4	Peringkat awal pembelajaran	42
1.10	Rumusan	44

BAB II**KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	46
2.2	Pengenalan Pengetahuan Pedagogikal isi Kandungan (PPIK)	46
2.3	Domain Pengetahuan Pedagogikal isi Kandungan (PPIK)	49
2.4	Taksonomi Pengetahuan Pedagogikal Isi Kandungan	55
2.4.1	Pengetahuan pedagogikal isi kandungan am	57
2.4.2	Pengetahuan pedagogikal isi kandungan bidang khusus	57
2.4.3	Pengetahuan pedagogikal isi kandungan topik khusus	57
2.5	Komponen PPIK dari Tokoh Pemikir	59
2.5.1	Shulman (1987)	59
2.5.2	Grossman (1990)	59
2.5.3	Marks (1990)	60
2.5.4	Cochran et al	60
2.5.5	Fernandez-Balboa et al. (1995)	61
2.5.6	Magnusson et al. (1998)	61
2.6	Domain PPIK Sebutan Konsonan Arab	62
2.6.1	PIK Sebutan Konsonan Arab	62
2.6.2	PP Sebutan Konsonan Arab	63
2.6.3	PTP dalam Sebutan Konsonan Arab	68
2.7	PPIK Sebutan Konsonan Arab	69
2.7.1	Bidang Fonetik Arab	70
2.7.2	Bunyi Bahasa dalam Bahasa Arab	74
2.7.3	Pandangan Pakar Mengenai Pembahagian Bunyi Konsonan	79
2.7.4	Organ Sebutan	82
2.7.5	Alat-alat Artikulasi	85
2.7.6	Daerah Artikulasi	86
2.7.7	Sifat Bunyi Konsonan	91
2.7.8	Kesimpulan Perbahasan Sifat Sifat Konsonan Arab	92
2.8	PPIK Pengajaran Sebutan Konsonan Arab	94
2.8.1	Objektif Pengajaran Sebutan Konsonan Arab	95
2.8.2	Strategi Pengajaran Sebutan Konsonan Arab	97
2.8.3	Alat Bantu Mengajar Sebutan Konsonan Arab	101
2.9	PPIK Tentang Masalah Penguasaan Sebutan Pelajar	102
2.9.1	Pengaruh Bahasa Ibunda	102
2.9.2	Pelat Lidah Melayu	103
2.9.3	Masalah Pemindahan Sebutan Konsonan	105



	2.9.4 Masalah Sebutan Transliterasi	111
2.10	Kajian-Kajian Lepas	111
	2.10.1 Kajian Berkaitan Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan	111
	2.10.2 Kajian Berkaitan Aspek Fonetik Arab	116
2.11	Rumusan	120

BAB III ETOD KAJIAN

3.1	Pengenalan	121
3.2	Reka bentuk Kajian	121
3.3	Penentuan dan Pemilihan Peserta Kajian	124
	3.3.1 Peserta Kajian Kualitatif	124
	3.3.2 Teknik Persampelan Kajian Kuantitatif	130
	3.3.3 Profile Peserta Kajian Kualitatif	133
	3.3.4 Profile Sampel Kajian Kuantitatif	136
3.4	Prosedur Pelaksanaan Kajian	137
	3.4.1 Peringkat Persediaan	137
	3.4.2 Kajian Rintis	139
	3.4.3 Dapatan Kajian Rintis	143
	3.4.4 Peringkat Pelaksanaan	148
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan	149
3.6	Teknik Pengutipan Data	153
	3.6.1 Protokol Kajian Kualitatif	153
	3.6.2 Protokol Kajian Kuantitatif	176
3.7	Tatacara Penganalisisan Data	177
	3.7.1 Proses Penganalisisan Data Kualitatif	177
	3.7.2 Proses Analisis Data Kuantitatif	182
3.8	Rumusan	185

BAB IV DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	186
4.2	Pengetahuan Isi Kandungan Sebutan Konsonan Arab	187
	4.2.1 Kefahaman Guru dalam Bidang Umum (Bahasa Arab)	187
	4.2.2 PPIK Bidang khusus (Fonetik Arab)	191
	4.2.3 PPIK Topik Khusus Sebutan Aspek Makhraj	198
	4.2.4 Rumusan	237
4.3	Pengetahuan Pedagogi Sebutan Konsonan Arab	240
	4.3.1 Persediaan PPIK Guru dalam Pengajaran Sebutan Konsonan Arab	240



4.3.2	Kaedah Pengajaran Sebutan Konsonan Arab	252
4.3.3	Pendekatan Pengajaran Sebutan Konsonan Arab	258
4.3.4	Teknik Pengajaran Sebutan Konsonan Arab	263
4.3.5	Bahan Bantu Mengajar	270
4.3.6	Aktiviti Pembelajaran Sebutan	277
4.3.7	Sumber Rujukan Bahan Pengajaran	281
4.3.8	Rumusan	290
4.4	Pengetahuan Tentang Pelajar Dalam Sebutan Konsonan Arab	293
4.4.1	Pengetahuan Umum dalam Memahami Pelajar	293
4.4.2	Masalah Pelajar dalam Menyebut Konsonan Arab	298
4.4.3	Faktor Kesukaran Menyebut Konsonan Arab	301
4.4.4	Menangani Kesukaran Sebutan MH dan SBK	305
4.4.5	Rumusan	306
4.5	Dapatan Kajian Tahap Penguasaan Sebutan Makhraj dan Sifat konsonan	309
4.5.1	Sebutan Makhraj Berdasarkan Nilai Min Konsonan Arab	310
4.5.2	Tahap Penguasaan Sebutan Konsonan Arab	311
4.5.3	Susunan Konsonan Mengikut Aras Sebutan Mudah ke Sebutan Kompleks	314

BAB V PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	316
5.2	Rumusan Kajian	317
5.3	Perbincangan Hasil Kajian	319
5.3.1	PPIK guru dalam sebutan konsonan Arab	320
5.3.2	Penyampaian Konsep MH dan SBK dalam pengajaran SKA	334
5.3.3	Kefahaman Guru Memahami Masalah Pelajar dalam Sebutan Konsonan Arab	354
5.3.4	Tahap Kefasihan Sebutan Murid dari Aspek Makhraj dan Sifat Konsonan	368
5.3.5	Pendetailan Konsonan Fasih dari sudut Makhraj dan sifat huruf	371
5.3.6	Susunan Konsonan Arab mengikut Aras Sebutan Mudah ke Kompleks	373
5.4	Rumusan Kajian	374
5.5	Implikasi kajian	376
5.6	Sumbangan Kajian	383

RUJUKAN

LAMPIRAN

Lampiran A	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada KPM	406
Lampiran B	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada JPS	407
Lampiran C	Surat Perakuan Antara Penyelidik dan Peserta Kajian	408
Lampiran D	Protokol Temubual Peserta Kajian	409
Lampiran E	Protokol Senarai Semak Pemerhatian	413
Lampiran F	Contoh Transkrip Temubual Peserta Kajian	416
Lampiran G	Pengesahan Temubual Peserta Kajian	429
Lampiran H	Senarai Semak Analisis Dokumen	430
Lampiran I	Contoh Analisis Dokumen RPH	431
Lampiran J	Borang Penilaian Tahap Kefasihan Ujian Sebutan Murid	432
Lampiran k	Borang Soal Selidik	436

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Halaman
Jadual 2.1	Bunyi Konsonan Arab	75
Jadual 2.2	Pembahagian Bunyi Arab	78
Jadual 2.3	Makhraj dan huruf menurut al-Khalil	79
Jadual 2.4	Daerah Artikulasi Konsonan menurut Tammam Hassan	81
Jadual 2.5	Menjelaskan ciri sifat bunyi konsonan	92
Jadual 2.6	Pemindahan Sebutan Konsonan Kaf-Qaf	106
Jadual 2.7	Pemindahan Sebutan Konsonan Ha-Hā	106
Jadual 2.8	Pemindahan Sebutan Konsonan ‘Ain-Alif	107
Jadual 3.1	Bilangan Sampel Kajian	132
Jadual 3.2	Ringkasan Profil Peserta Kajian	136
Jadual 3.3	Skala Markah Tahap 1 hingga 5	144
Jadual 3.4	Interpretasi tahap nilai min bagi skala Likert 5	147
Jadual 3.5	Tahap penguasaan sebutan makhraj dan sifat huruf konsonan Arab secara keseluruhan	147
Jadual 3.6	Susunan konsonan Arab mengikut aras sebutan mudah kepada sebutan lebih kompleks	148
Jadual 3.7	Pakar Penilai (Interater) Kesahan Pembinaan Tema Kajian	149
Jadual 3.8	Nilai Tahap Persetujuan Cohen Kappa	149
Jadual 3.9	Objektif Kajian dan Kaedah Pemungutan Data	151
Jadual 3.10	Ringkasan Aktiviti Temu Bual	163
Jadual 3.11	Protokol Temu bual Kelima	167
Jadual 3.12	Temubual bersama peserta kajian	168
Jadual 3.13	Pemerhatian di dalam kelas	173
Jadual 3.14	Jadual Penentu Tahap Skor Min	184
Jadual 3.15	Pengkelasan skala <i>Likert</i>	184
Jadual 3.16	Pengkelasan skala <i>Likert</i> bagi item soal selidik	
Jadual 4.1	Interpretasi tahap nilai min bagi skala Likert 5	309
Jadual 4.2	Pengiraan tahap nilai min bagi skala Likert 5 markat	309



 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi
Jadual 4.3	Tahap penguasaan makhraj dan sifat konsonan Arab secara keseluruhan			310
Jadual 44	Intepretasi skor min dalam penguasaan sebutan makhraj konsonan Arab			311
Jadual 4.5	13 Konsonan Arab tahap fasih			312
Jadual 4.6	15 Konsonan Arab tahap Sederhana Fasih			312
Jadual 4.7	Susunan konsonan tahap Fasih hingga Sederhana Fasih			313
Jadual 4.8	Susunan Sebutan konsonan mengikut aras Mudah hingga aras Kompleks			314
Jadual 5.1	Sifat Konsonan bagi Sebutan Konsonan tahap fasih			369
Jadual 5.2	Makhraj huruf bagi konsonan tahap fasih			370
Jadual 5.3	Konsonan Fasih Dari aspek Makhraj dan Sifat Bunyi Konsonan			371
Jadual 5.4	Konsonan Sederhana Fasih dari aspek Makhraj dan Sifat Bunyi Konsonan			372
Jadual 5.5	Susunan konsonan-konsonan mengikut tahap kefasihan Fasih hingga Sederhana Fasih			374
Jadual 5.6	Perbezaan makhraj dan sifat huruf Ha dan Hae			378
 05-4506832	 Perubahan Fonem Kesan dari Kesalahan Ejaan	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi 380
Jadaul 5.1	Sifat-Sifat Huruf Berlawanan			304
Jadaul 5.2	Sifat Huruf Majhur dan Mahmus			305
Jadaul 5.3	Sifat Huruf dalam Fonetik Arab			306
Jadaul 5.4	Makhraj dan Konsonan Arab			308
Jadaul 5.5	Rancangan Pengajaran Sebutan Konsonan Arab Penerapan Makhraj dan Sifatnya			320
Jadaul 5.6	Sifat Huruf Bagi Konsonan Tahap Fasih			348
Jadaul 5.7	Makhraj Huruf Bagi Konsonan Tahap Fasih			349
Jadaul 5.8	Makhraj dan Sifat Huruf Pada Tahap Fasih			350
Jadaul 5.9	Makhraj dan Sifat Huruf Tahap Sederhana Fasih			351
Jadaul 5.10	Bentuk Kesalahan Ejaan Murid			360

**SENARAI ILUSTRASI****No. Rajah****Halaman**

Rajah 1.1	Kerangka Konseptual Kajian PPIK Sebutan Konsonan Arab	22
Rajah 2.1	Model Shulman(1987)	51
Rajah 2.2	Tiga domain Pengetahuan Pedagogikal Isi Kandungan(PPIK)	53
Rajah 2.3	Kerangka Taksonomi Pengetahuan Pedagogikal Isi Kandungan Veal 1999	56
Rajah 2.4	Taksonomi PPIK bagi Fonetik Arab	58
Rajah 5.1	Kefahaman Guru bahasa Arab Terhadap PPIK SKA	321
Rajah 5.2	Faktor Kelemahan Sebutan Murid	362
Rajah 5.3	Refleksi Guru	366
Rajah 5.2	Model PPIK Guru Bahasa Arab dalam Sebutan Konsonan Arab	385





SENARAI SINGKATAN

PPIK	Pengetahuan Pedagogikal Isi Kandungan
PCK	Pedagogical Content Knowledge
KMH	Konsep Makhraj Huruf
KSH	Konsep Sifat Huruf
Et.al.	<i>And others</i>
ABM	Alat Bantu Mengajar
BBM	Bahan Bantu Mengajar
ICT	Information and Communication Technology
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
KPM	Kementerian Pengajian Tinggi
JPS	Jabatan Pendidikan Selangor
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PK	Peserta Kajian
TB1	Temubual 1
TB2	Temubual 2
TB3	Temubual 3
TB4	Temubual 4
TB5	Temubual 5
TB6	Temubual 6
TB7	Temubual 7
TB8	Temubual 8





BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Kajian ini membincangkan pengetahuan pedagogi isi kandungan(PPIK) guru bahasa arab dalam pengajaran sebutan bunyi konsonan bahasa Arab peringkat awal pendidikan. PPIK adalah sejenis pengetahuan yang unik bagi seseorang guru dan PPIK merujuk kepada cara guru menyampaikan isi kandungan agar mudah difahami dan dapat menggalakkan kefahaman konseptual pelajar (Nik Mohd Rahimi.et.al 2010). Penguasaan isi kandungan dituntut pada setiap guru supaya dapat menyalurkan maklumat yang tepat dan bersesuaian dengan kehendak silibus pendidikan. Cara menyalurkan dan menyampaikan maklumat pula adalah terletak kepada kemahiran seseorang guru menggunakan pendekatan pengajaran, strategi serta teknik penyampaian maklumat melalui ilmu pedagogi yang diperoleh semasa belajar. Konten pembelajaran atau isi kandungan yang difokuskan pada kajian ini adalah sebutan konsonan Arab.

Dalam bidang fonetik dan fonologi, sebutan bunyi konsonan merupakan sebuah identiti yang jelas dan difahami dari setiap sudut linguistiknya. Kepentingan sebutan bunyi konsonan yang betul merupakan satu tuntutan besar kepada semua umat Islam khusus ketika pembacaan Al-Quran dan Hadith dan boleh jadi satu kesalahan besar bagi proses pemindahan ilmu kepada masyarakat (Nur Afifah 2012).

Sebutan bunyi konsonan mahupun vokal bukanlah menjadi satu isu besar kepada penutur natif bahasa Arab. Hal yang sebaliknya berlaku kepada pelajar yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa asing seperti di Malaysia. Bahasa Arab dalam perspektif umat Islam di Malaysia atau di negara Islam bukan Arab, tidak

dianggap sebagai bahasa kedua dan bukan bahasa ibunda. Siti Soudah(1994) mengatakan kebanyakan pakar bahasa Arab berpendapat statusnya mengambil kedudukan antara bahasa ibunda dan bahasa kedua. Rumusan ini dibuat dengan mengambil kira bahawa semua orang Islam menunaikan solat dalam bahasa Arab walau apa pun kedudukannya secara saintifik dan intelektual. Sehubungan itu, permasalahan sebutan bunyi konsonan Arab bagi lidah Melayu dilihat ketara dalam bidang pendidikan bahasa Arab. Pengetahuan guru yang mendalam tentang sebutan konsonan perlu diterjemahkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab peringkat awal pembelajaran.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

PPIK adalah adalah satu pengetahuan profesional guru tentang isi kandungan dengan kefahaman yang mendalam. Dalam pengajaran, bukan sahaja melibatkan cara menyampaikan isi kandungan, bahkan guru perlu menguasai dan kreatif dalam transformasi isi kandunagn ke dalam bentuk yang boleh disampaikan dengan jelas.

Fonologi pula adalah salah satu aspek dalam bidang Linguistik. Kajian mengenainya mencakupi dua aspek utama iaitu fonetik dan fonemik. Fonetik adalah aspek yang membicarakan tentang tempat atau daerah sebutan(makhraj), bagaimana cara menyebut dan sifat-sifat huruf. Fonemik pula membicarakan tentang peranan bunyi dan hal-hal yang berkaitan dengan perbezaan bunyi yang menghasilkan makna yang berbeza. Dalam kajian ini dibincangkan PPIK guru dalam menyampaikan sebutan bunyi konsonan yang melibatkan aspek makhraj (daerah sebutan) dan sifat konsonan.

1.2.1 Masalah Sebutan Bahasa Arab

Dalam fenomena pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing masalah sebutan pelajar masih belum dapat diatasi sepenuhnya. Menurut Ab. Halim (2009) sebutan merupakan faktor utama menyebabkan kebanyakan pelajar kurang berupaya menguasai kemahiran bertutur. Ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti malu apabila menyebut perkataan yang tidak fasih sebutannya dan takut ditertawakan atau dipandang rendah oleh rakan sekelas. Oleh itu pelajar akan merasa kurang berkeyakinan untuk bertutur akibat sebutan yang tidak fasih yang dihadapi mereka.

Faktor dalaman inilah yang menghalang pelajar menggunakan bahasa Arab sebagai medium pertuturan (Abdul Rahman Abdullah 2009).

Membeczka (2008) pula menyatakan bahawa pengajaran sebutan seringkali diabaikan didalam silibus pembelajaran bahasa asing. Pelajar-pelajar juga didapati mengabaikan sebutan mereka. Persepsi guru lebih mementingkan keupayaan murid memahami nahu, menghafal kosa kata dan seterusnya dapat menjawab soalan ujian dengan baik, maka murid dianggap telah dapat menguasai pembelajaran bahasa tersebut (Nur Hafizah 2011). Namun, realitinya seseorang murid itu mungkin boleh menguasai nahu dengan baik, tetapi apabila menyebut sesuatu perkataan dengan sebutan yang salah, perkataan tersebut mungkin tidak dapat difahami. Sedangkan sebutan sangat mempengaruhi keseluruhan proses komunikasi yang menggunakan sesuatu bahasa.

Manakala salah satu masalah sebutan konsonan Arab adalah dari faktor kepelatan lidah Melayu. Ini dinyatakan oleh Amilrudin Ishak (2008) kesukaran menyebut huruf-huruf tertentu dikenal pasti antara faktor utama yang boleh mengganggu dan menggagalkan komunikasi. Ini adalah kerana terdapat beberapa konsonan Arab yang tidak terdapat dalam konsonan Melayu menyukarkan sebutan pelajar seperti konsonan Arab ح dan ه. Kedua-dua konsonan ini berbeza sebutannya dari sudut *makhraj* dan sifat huruf. Manakala sistem *makhraj* dan sifat huruf tidak terdapat dalam fonetik Melayu, namun begitu terdapat konsonan Melayu yang menghampiri sebutan kedua-dua konsonan Arab tersebut iaitu konsonan Melayu 'H'. Oleh sebab itu, pelajar Melayu agak sukar membezakan sebutan konsonan ح dan konsonان ه dan membunyikan kedua-dua konsonan tersebut dengan konsonan 'H'.

Dalam isu pelat lidah Melayu, pengaruhnya terhadap sebutan Arab dalam kalangan pelajar bahasa Arab di Malaysia tidak mengira peringkat, bermula dari sekolah rendah hinggalah ke peringkat pengajian tinggi. Gangguan pelat bahasa ibunda terhadap pemerolehan bahasa Arab dalam sebutan pelajar menyebabkan kurang jelas pertuturan dalam berkomunikasi. Kesalahan menyebut beberapa konsonan Arab yang tiada dalam sistem bunyi bahasa Melayu yang menjejaskan sebutan satu-satu perkataan Arab sehingga membawa ketidakfahaman makna terhadap

pendengar. Kesalahan sebutan yang diakibatkan oleh pelat lidah Melayu bukan sahaja menjejaskan pertuturan malah turut mempengaruhi aspek ejaan. Sebagai contoh kesalahan lidah Melayu ketika menyebut konsonan Qaf dalam perkataan *Qalibun* yang membawa maksud hati, bertukar kepada ejaan *Kalibun* konsonan Kaf yang membawa pengertian anjing. Kesalahan sebutan konsonan Qaf kepada Kaf membawa implikasi perubahan makna sehingga mencacatkan pertuturan dan penulisan khususnya ejaan (Zarima 2008).

Dari aspek pemerolehan bahasa, sebutan dan intonasi mempunyai perkaitan yang kuat (Kamarudin Husin 1990). Garapan sebutan yang jelas berserta intonasi yang tepat akan menghasilkan bentuk pertuturan lebih berkualiti. Menurut Muhammad Salaebing(2009) mengenai kesalahan sebutan pelajar Thailand dalam mempelajari bahasa Melayu mendapati bahawa pelajar Thailand lemah dalam penyebutan intonasi yang betul berdasarkan sistem sebutan bahasa Melayu. Ini kerana kesalahan dalam sistem intonasi akan mengakibatkan pendengar yang mendengar sesuatu pertuturan yang dipertuturkan tidak dapat mencerminkan maksud isi percakapan yang penutur ingin sampaikan. Begitu juga dalam permasalahan ketidakselarasan antara sebutan dan intonasi pelajar bahasa Arab di Malaysia. Sebagaimana pengaruh sebutan bahasa ibunda terhadap pelajar begitu juga intonasi bahasa ibunda turut mempengaruhi pelajar dalam mempelajari bahasa Arab. Oleh itu, dalam aspek pengajaran, guru bukan sahaja membimbing pelajar untuk menyebut setiap konsonan dengan betul, malah ketepatan intonasi juga dititikberatkan supaya mendapat keselarasan dalam pemahaman sebutan.

1.2.2 Senario Pengajaran Sebutan Konsonan Arab

Fokus utama kajian ini adalah melihat aspek profesional guru bahasa Arab dalam pengajaran sebutan konsonan Arab. Pengetahuan pedagogi isi kandungan (PPIK) adalah konstruk yang digunakan untuk menjelaskan bidang pengetahuan guru mengenai isi kandungan (mata pelajaran) dan pedagogi (strategi pengajaran) (Nik Rahimi .et.al 2010). PPIK guru dalam mengajar sebutan konsonan Arab diperingkat awal pendidikan jarang diketengahkan. Ini kerana, aspek sebutan bukan merupakan aspek keutamaan guru dalam mengajar kemahiran berbahasa. Guru lebih

mengutamakan kemahiran bertutur, kemahiran mendengar, kemahiran membaca serta kemahiran menulis sebagai asas penguasaan bahasa Arab. Disamping menitikberatkan ilmu nahu, dan ta'abir ayat. Guru kurang menitikberatkan aspek sebutan dalam pembacaan murid. Ini turut dinyatakan oleh Nik Mohd Rahimi et.al (2016) dalam ujian membaca pelajar tingkatan 2 didapati bahawa pelajar tidak dapat membaca betul dari aspek tatabahasa dan sebutan huruf serta tidak mampu membentuk dan menulis ayat yang betul mengikut kaedah sebenar bahasa Arab.

Faktor yang seringkali dikatakan mampu mempengaruhi keupayaan pelajar menguasai sebutan lidah Arab ialah kemampuan guru dalam mengajar bahasa Arab. Ini seperti yang disebutkan oleh Mustafa Che Omar (2004) bahawa aspek kelayakan dan kemampuan guru mengajar merupakan syarat yang sangat penting dalam kerjaya perguruan bahasa Arab. Ini memandangkan kelayakan dan kemampuan guru mengajar bahasa Arab akan dapat menghasilkan keberkesanan proses pembelajaran kepada pelajar.

Hal ini menurut Abdul Rahman Md.Hassan (1999) dalam kajian penguasaan sebutan bahasa Al-Quran, pelajar mempelajari al-Quran dengan berguru daripada orang-orang tua di kampung yang bukan sahaja tidak terlatih malah kemampuan mereka mengajar sekadar dapat membaca tanpa menepati makhraj dan sifat huruf. Jauh sekali dari memahami bahasa Al-Quran iaitu bahasa Arab. Pengajaran mereka masih menggunakan kaedah tradisional iaitu guru membaca, murid mengajuk. Guru yang menggunakan kaedah ini perlu mahir dalam bidang penyebutan huruf kerana kelemahan daripada guru memberi kesan besar kepada pelajar. Kaedah ini menitikberatkan pemerhatian pelajar kepada pergerakan mulut guru secara berdepan (bersemuka). (Sabariah Othman 2011).

Tambahan pula, realiti pengajaran huruf hijaiyyah di peringkat sekolah rendah adalah mengenal konsonan Arab bermula Alif, Ba, Ta dan seterusnya. Kemudian diikuti cara mengeja mengikut kaedah harfiyyah atau Baghdadiyyah seperti meletakkan harakat Alif diatas Aa, Alif dibawah Ii. Alif di depan Uu (أ ا ا). Walaupun kaedah Iqra' telah diperkenalkan dan digunapakai dalam sistem KBSR dan kini KSSR (kurikulum Standard Sekolah Rendah) tetapi pelaksanaannya tidak mengikut disiplin

sistem bunyi yang ditetapkan seperti keutamaan menyebut konsonan bertepatan sistem makhraj dan sifat konsonan Arab (Zarima .et.al. 2016).

Menyentuh konteks pengajaran sebutan konsonan peringkat prasekolah pada peringkat ini murid akan mengenal konsonan-konsonan Arab sebanyak 28 konsonan iaitu bermula vokal Alif hingga konsonan Ya. Murid bukan sahaja dapat membezakan konsonan bahkan dapat menyebut setiap satunya, seterusnya belajar memindahkan ke dalam bentuk grafik iaitu menulis semula konsonan yang disebut. Justeru, pada peringkat inilah guru memainkan peranan penting dalam menitikberatkan sebutan konsonan yang tepat dari sudut makhraj juga sifat huruf. Pendedahan seawal ini bagi memastikan murid dapat berlatih menggunakan anggota pertuturan iaitu rongga mulut untuk menyebut setiap konsonan Arab secara bersemuka (musyafahah) dengan guru. Ketepatan menyebut konsonan Arab bukan sahaja membantu memudahkan murid beralih kepada topik yang lebih sukar seperti menyebut perkataan dan sejumlah ayat, malah memenuhi kewajipan dalam membaca al-Quran secara bertajwid.

Hal ini, memperlihatkan senario pengajaran sebutan konsonan Arab peringkat awal pembelajaran, tidak semua guru ada kesedaran menerapkan sebutan yang betul dari aspek daerah sebutan(makhraj) konsonan mahupun sifat bunyi samada dalam kemahiran membaca mahupun bertutur. Aspek sebutan sekali lagi kurang dititikberatkan oleh guru kerana beranggapan bahawa tugas membetulkan kesilapan bunyi konsonan murid adalah dibawah tanggungjawab guru tajwid dan bukan semasa pembelajaran bahasa. Tambahan pula, guru merasakan bahawa penerapan aspek makhraj dan sifat bunyi konsonan masih terlalu awal untuk dibetulkan pada peringkat ini. Lebih memburukkan keadaan apabila guru sendiri kurang berpengetahuan dari aspek makhraj dan sifat bunyi konsonan, oleh itu pengajaran sebutan konsonan Arab menjadi hambar.

Kajian terhadap pengetahuan guru menunjukkan 90% hingga 95% guru perlu menguasai samada pengetahuan mata pelajaran atau aras pengetahuan am. Guru seharusnya mencapai tahap kompetensi yang baik dalam melaksanakan tugas menyampaikan ilmu dengan menguasai ilmu pengetahuan yang luas. Menurut Noor Shamsinar .et.al (2017) kompetensi guru adalah suatu bentuk piawaian yang

menggabungkan aspek pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu dimiliki dalam melaksanakan tugas mendidik. Sehubungan itu, guru seharusnya mempunyai ilmu pengetahuan yang luas dalam menyampaikan isi kandungan serta berkemahiran dalam menunjukkan contoh sebutan terbaik sebagai ikutan dan panduan kepada murid.

Dalam pengajaran sebutan, didapati guru tidak menggunakan alat bantu pengajaran sebutan yang sesuai. Menurut Ibtisam dan Zamri (2012) aspek penggunaan alat bantu seperti media, kemahiran ini akan lebih berkesan dan efektif jika alatan seperti pita rakaman, slide video, persembahan power point dan lain-lain digunakan. Melalui alat bantu ini, isi pengajaran seperti sebutan huruf, cara pengucapan kalimah, makhraj huruf dan sebagainya dapat disampaikan dengan pelbagai variasi. Tambahan pula,

Berdasarkan pernyataan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa sebutan memainkan peranan penting dalam menentukan pertuturan yang berkualiti, bahkan mempunyai perkaitan yang kukuh terhadap pembacaan dan penulisan. Justeru, permasalahan sebutan tidak boleh dipandang ringan dalam pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua khususnya dan pembacaan Al-Quran umumnya. Pihak pendidik khususnya guru bertanggungjawab menerapkan kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan tahap pemikiran dan keupayaan murid dalam aktiviti sebutan konsonan Arab. PPIK guru tidak lengkap tanpa diberi perhatian sewajarnya terutama dari aspek *makhraj* dan sifat huruf konsonan Arab supaya kemahiran sebutan konsonan Arab dapat diterapkan sejak dari awal pendidikan.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Matlamat Kurikulum Bahasa Arab di peringkat sekolah rendah adalah untuk melahirkan murid yang menguasai kemahiran asas bahasa Arab dan mampu berkomunikasi menggunakan ayat-ayat mudah serta mengamalkan nilai-nilai murni. Antara objektif pembelajaran bahasa Arab sebagaimana yang digariskan dalam Kurikulum Standard Bahasa Arab (DSKP)(2015) adalah menyediakan peluang kepada murid untuk mencapai objektif berikut;

1. mendengar sebutan huruf hijaiyyah, perkataan dan ayat mudah dengan betul.
2. menyebut huruf hijaiyyah , perkataan dan ayat mudah dengan sebutan yang betul.
3. bertutur dengan ayat mudah berdasarkan tema yang sesuai dengan persekitaran murid.

Berdasarkan objektif diatas jelas difahami bahawa pembelajaran sebutan bunyi huruf hijaiyyah merupakan platform utama guru dalam memastikan murid dapat menguasai kemahiran berkomunikasi secara khusus. Namun begitu, senario pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang sebenar memperlihatkan beberapa kelemahan penguasaan pelajar dalam sebutan berdasarkan beberapa faktor seperti pengaruh bahasa ibunda dan beberapa konsonan Arab yang tidak terdapat dalam sebutan konsonan Melayu(Kamarulzaman Abd. Ghani & Nik Mohd Rahimi , 2000).

Bagi guru pula, faktor kelemahan penyampaian serta pengetahuan yang kurang mendalam tentang aspek fonetik Arab khususnya sebutan yang melibatkan penggunaan alat artikulasi sehingga tidak menepati ciri-ciri makhraj dan sifat huruf yang tepat(Hassan & Zailani, 2015). Kebanyakan proses pengajaran guru hanya menitikberatkan kepada pengenalan nama-nama konsonan Arab sahaja yang bermula dari huruf Alif hingga Ya, namun pengajaran kaedah sebutan atau cara-cara menyebut konsonan-konsonan tersebut tidak termasuk dalam topik pengajaran guru. Berlaku juga senario di mana guru menguasai ilmu fonetik dengan baik tetapi kurang berkemahiran dalam penyampaian pedagogi.

Isu permasalahan guru dalam pengajaran bahasa Arab sering kali diperdebatkan. Beberapa kajian yang membincangkan isu yang dihadapi oleh para guru dalam menyampaikan pelajaran bahasa Arab kepada pelajar-pelajar. Menurut Abdul Razif Zaini.et.al (2017) antara masalah-masalah yang sering dihadapi oleh para guru adalah keupayaan, pedagogi, motivasi, bahan bantu mengajar dan persekitaran.



Malah berdasarkan penelitian yang dilakukan ke atas kajian-kajian lalu, beberapa masalah lain yang dikenal pasti dalam pengajaran bahasa Arab adalah pengajaran berpusatkan guru (Rosni Samah, 2009), pendekatan nahu terjemahan (Ab. Gani Jalil, 1993, Rosni Samah, 2009), penggunaan bahan bantu mengajar (Ab. Gani Jalil, 1993, Rosni Samah, 2009, Rahimi Md. Saad et al.) , kekurangan bahan bacaan tambahan (Rosni Samah, 2009), kekurangan aktiviti (Ab. Gani Jalil, 1993, Rosni Samah, 2009), kekurangan komunikasi (Rosni Samah, 2009), persekitaran (Azman Che Mat dan Goh Ying Soon, 2010, Nik Rahimi, Kamarulzaman dan Zawawi, 2006, Kamarudin, 2000, Ab. Gani Jalil, 1993), motivasi (Rosni Samah, 2012).

Namun, dalam isu permasalahan kajian ini pengkaji membahagikan empat permasalahan utama yang menjadi kayu ukur isu pengajaran sebutan konsonan Arab peringkat awal pembelajaran .

1.3.1 Kompetensi Profesionalisme Guru Bahasa Arab



Kompetensi profesionalisme keguruan merupakan salah satu perkara penting yang perlu dimiliki oleh setiap guru. Ini kerana dengan memiliki aspek profesionalisme keguruan dalam diri, para guru dapat menghasilkan pengajaran yang berkesan dan berkualiti (Hyvarinen, K., Saaranen, T, & Tossavainen, K., 2015). Kompetensi profesionalisme guru menurut Kementerian Pendidikan Malaysia(KPM) ialah kompetensi yang perlu dibangunkan secara terus agar para guru sentiasa menjunjung etika keguruan dan mempunyai integriti profesional yang tinggi dalam menghasilkan dan meningkatkan kemenjadian murid. Tiga elemen utama kompetensi profesional yang telah digariskan oleh KPM adalah (i)nilai profesional, (ii)pengetahuan, dan (iii) kemahiran.

Setiap guru menurut KPM perlu memperoleh dan menguasai pengetahuan, kemahiran serta meningkatkan amalan nilai profesional mereka (Panduan Pelaksanaan Program Pembangunan Guru Baharu, 2015). Kemampuan guru mengajar merupakan aspek penting dalam sistem pendidikan. Kelemahan guru dari sudut kemampuan mengajar adalah berkait rapat dari sudut pengetahuan guru dalam menyampaikan isi kandungan pengajaran. Sebelum seseorang guru menggunakan kemahiran pedagogi



yang dimiliki sama ada melalui pengalaman perguruan serta kursus-kursus dan latihan perguruan yang diikuti, guru perlu menguasai ilmu pengetahuan dengan baik supaya penyampaian pengajaran dapat diterima pelajar sebagai pembelajaran ilmu yang berkesan. Menurut Kamarul Azman (1994) antara kelemahan guru bahasa Inggeris adalah guru tidak mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam ilmu itu sendiri. Ini turut dinyatakan oleh Abdullah Hassan (1989) dalam bukunya *Isu-isu pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu* yang menyatakan antara masalah pengajaran lisan bahasa Melayu ialah, kegagalan guru menguasai ilmu bahasa yang diajar dengan baik. Manakala N. Siva Subramaniam(2001) dan Zulkifli Hamid (2000) mengatakan masalah guru bahasa Melayu berpunca dari kelemahan pengetahuan guru bahasa Melayu menguasai ilmu pengetahuan yang maksimum tentang isi kandungan pengajaran mereka serta pengetahuan kaedah pengajaran bahasa.

Dalam konteks pengajaran bahasa Arab, guru mempunyai keutamaan untuk membangunkan pengetahuan dan kemahiran berbahasanya. Pengetahuan yang mendalam tentang bahasa perlu diseimbangkan dengan kemahiran menggunakannya. Menurut Richard (2010) seseorang guru yang mengajar subjek bahasa bukanlah guru yang hanya tahu menuturkan bahasa tersebut, malah guru bahasa tersebut perlu memiliki kemahiran pengetahuan yang dimiliki melalui akademik dan pengalamannya.

Terdapat beberapa hasil kajian yang berkaitan dengan masalah guru yang tidak mempunyai pengetahuan dan kelayakan untuk mengajar bahasa Arab (Abd al-^oAlim Ibrahim 1994; Abd. Hamid 1998; Jassem 1999; Ahmad Kilani 2001). Masalah tersebut melibatkan soal pengetahuan pedagogi dan pengetahuan isi kandungan (Abu Latifah 2005). Walau bagaimanapun disebabkan keperluan yang mendesak, mereka telah ditugaskan untuk mengajar komponen-komponen mata pelajaran bahasa Arab (Zabiyah 2002). Komponen-komponen tersebut ialah ilmu nahu dan *sarf*, ^o*ilm al-balaghah*, *tarikh al-adab*, *al-nusus al-adabiyah*, *al-maharat al-lughawiyah*, ^o*ilm al-^oarud*, *al-ma^oajim* dan lain-lain. Ini terbukti sebagaimana yang telah dihuraikan dalam kajian-kajian yang terdahulu (Ali 1985; Safiah 1987; Ismail 1988; Rushdi 1990; Hasan 1991; Osman 1994; Abd al-Alim 1994; ^oAbd Rashad 1996; Abd. Hamid 1998;

Jassem 1999; Zulkifley 2000; Ahmad Kilani 2001; Zabiyyah 2002; Nurul Huda (2005).

Rumusan permasalahan kajian menunjukkan wujud beberapa masalah yang serius dalam aspek penguasaan ilmu pengetahuan fonetik Arab yang merangkumkan soal guru tidak mempunyai kelayakan untuk mengajar (Ali 1985; Rushdi 1990; ^cAbd Rashad 1996) kerana guru tidak terlatih dalam bidang yang berkaitan (Safiah 1987; Ismail 1988; Hasan 1991; Osman 1994; Mustafa 1994; Sayed 1996; Abdullah 1996). Terdapat guru yang bukan dari bidang pengkhususan bahasa Arab diberikan option mengajar bahasa Arab diperingkat sekolah rendah, justeru gagal menguasai mata pelajaran yang diajar khususnya aspek yang melibatkan bidang pengetahuan ilmu fonetik Arab yang perlu diterjemahkan semasa pengajaran kemahiran sebutan Konsonan Arab (Abdullah 1989; Abu Bakar 1994) walaupun terdapat antara mereka telah mengikuti kursus dalam perkhidmatan jangka panjang atau jangka pendek bagi kursus bahasa Arab di institusi perguruan (Nurul Huda 2005). Masalah ini ditambah lagi dengan tahap pengetahuan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang rendah (Zulkifley 2000; Zabiyyah 2002).

Di antara faktor yang menyumbang kepada permasalahan ini adalah soal opsyen guru. Permasalahan pengajaran mungkin timbul apabila guru tersebut merupakan guru bukan opsyen atau guru baharu yang kurang berpengalaman. Mereka tidak berkeupayaan dan tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang tepat mengenai kaedah pengajaran yang sebenar, begitu juga mempunyai kemahiran berbahasa yang terhad (Ee Ah Meng, 2005). Walau bagaimanapun, guru-guru yang berpengalaman juga turut dilaporkan tidak berkeupayaan kerana kurang mendapat latihan dalam pengajaran subjek ini (Ab. Gani Jalil, 1993). Opsyen pengajian guru merupakan satu elemen penting dalam menjamin kualiti guru bahasa Arab. Bagi seseorang guru bahasa Arab, opsyen pengajiannya mestilah bahasa Arab kerana guru berkualiti dan berkemahiran bahasa yang baik perlu berpengetahuan lengkap tentang bahasa yang merangkumi aspek fonetik, morfologi, sintaksis, retorik dan kemahiran (Nazri Atoh, Saipolbarin, Mohd Zawawi, 2014).



Oleh itu, guru bahasa Arab yang berkualiti dan berkesan dalam menyampaikan pengajaran, para guru samada baharu atau berpengalaman perlulah bersifat lebih inovatif dan efektif serta sentiasa mempersiapkan diri dengan kemahiran dan pengetahuan yang pelbagai dalam menyampaikan pengajaran yang berkesan. Guru bahasa Arab seharusnya mengambil kira tahap persediaan dan keupayaan pelajar dalam memilih kaedah pengajaran yang sesuai supaya semua pelajar dapat manfaat semasa menjalani aktiviti pembelajaran (Ahmad Kilani 2001). Di samping itu juga pentingnya seseorang guru bahasa Arab menguasai pengetahuan pedagogi isi kandungan (PPIK) bidang fonetik Arab agar dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran sebutan konsonan Arab (Shulman & Grossman 1987).

1.3.2 Pengetahuan Pedagogi

Faktor yang seringkali mempengaruhi keupayaan guru dalam pengajaran bahasa Arab ialah kemampuan guru dalam menguasai ilmu pedagogi. Ini seperti yang disebutkan oleh Mustafa Che Omar (2004) bahawa aspek kelayakan dan kemampuan guru mengajar merupakan syarat yang sangat penting dalam kerjaya perguruan bahasa Arab. Ini memandangkan kelayakan dan kemampuan guru mengajar bahasa Arab akan dapat menghasilkan keberkesanan proses pembelajaran kepada pelajar. Terdapat juga dalam kajian lain mendapati antara punca kegagalan pengajaran guru bahasa adalah penggunaan kaedah pengajaran guru yang tidak berkesan, seperti mana yang dinyatakan oleh Tedic dan Walker (1994) dalam masalah pengajaran guru bahasa Inggeris. Awang Sariyan (2002) berpendapat salah satu kelemahan pelajar dalam bahasa Inggeris di Malaysia disebabkan oleh kaedah pengajaran guru bahasa itu sendiri.

Beberapa kajian yang dijalankan mendapati guru bahasa Arab yang mengajar komponen-komponen ilmu bahasa Arab seperti ilmu nahu, balaghah dan kemahiran berbahasa tidak berkemampuan menggunakan kaedah, pendekatan atau metod yang bersesuaian dalam pengajaran bahasa Arab (Zainol 2003; Samsiah 2004; Mustafa 2004; Fakrughazi dan Aida 2008.)

